



Headline: Sindiket menyamar pegawai LHDN babit Language: Malay
kerugian RM636,311

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 12 February 2021

Section: Nasional

Page: 21

Sindiket menyamar pegawai LHDN babit kerugian RM636,311

Kuala Lumpur: Sebanyak 18 kes sindiket menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) membabitkan kerugian RM636,311 dikesan sepanjang tempoh 1 Januari hingga Selasa lalu.

Sindiket dikesan menggunakan taktik menakut-nakutkan mangsa sehingga panik, sebelum mangsa menyerahkan butiran peribadi dan perbankan serta secara sukarela membayar wang tunai kepada sindiket terbabit.

LHDN dalam satu kenyataan semalam, mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada mengenai kegiatan sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai LHDN bertujuan memperdayakan mangsa.

“Orang ramai perlu lebih peka dan sentiasa menasihatkan ahli keluarga serta masyarakat sekeliling berkenaan perkara ini supaya dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa,” kata LHDN.

Menurut kenyataan terbabit, LHDN sentiasa berusaha dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai supaya sentiasa cakna atau ambil tahu berkaitan aktiviti penipuan berkenaan.

“Selain peringatan melalui media massa dan media sosial, LHDN turut menggunakan saluran e-mel rasminoreply_contactcentre@hasil.gov.my untuk menghantar infografik peringatan berkaitan aktiviti ‘scammer’.

“Sehingga kini, sejumlah 2,927,400 e-mel dikirim kepada alamat e-mel dalam pangkalan data LHDN dan 814,865 e-mel masih lagi dalam peringkat proses pengiriman,” katanya.

Fakta

» Sebarang pertanyaan dan maklum balas boleh dibuat melalui saluran Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 /603-8911 1100 (luar negara), HASiL Live Chat dan borang maklum balas di portal rasmi <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>